

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 12 TAHUN 2020**

**KELULUSAN DASAR KE ATAS PERMOHONAN PENGURANGAN CUKAI
TANAH KE ATAS TANAH-TANAH KEGUNAAN PERINDUSTRIAN DI BAWAH
KAEDAH 16, KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966 YANG TERLIBAT
DENGAN PINDAAN CUKAI TANAH TAHUN 2019**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 16 tahun 2020 yang bersidang pada 29 Julai 2020 telah bersetuju meluluskan satu dasar ke atas pengurangan cukai tanah bagi tempoh (4) empat tahun bermula pada tahun 2019 hingga 2022 bagi mana-mana permohonan pengurangan cukai tanah kategori Perindustrian yang diterima mengikut tahun permohonan.

2. Kadar peratusan remisyen yang diluluskan adalah sebagaimana berikut:
 - 2.1 50% ke atas Cukai Tanah Tahun 2019;
 - 2.2 50% ke atas Cukai Tanah Tahun 2020;
 - 2.3 40% ke atas Cukai Tanah Tahun 2021;
 - 2.4 30% ke atas Cukai Tanah Tahun 2022; dan
 - 2.5 Pengecualian ke atas Tunggakan Denda Bagi Tahun 2019
3. Remisyen ini adalah tidak terpakai kepada pemilik-pemilik tanah kegunaan Perindustrian yang telah menjelaskan bayaran cukai tanah pada tahun 2019 dan 2020.
4. Permohonan hendaklah dibuat kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan pada setiap tahun dan disertakan dengan bayaran memfail sebanyak RM100.00.

5. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir – Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zamri', with a long horizontal stroke extending to the right.

DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, (D.P.S.K. Kelantan), K.M.N

PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN

KEPADA:

YBhg. Dato'/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN

FAIL : PTG.KN.16/4/47
BERTARIKH: 14 MUHARRAM 1442H
02 SEPTEMBER 2020